

Headline **Jijik kuku berkulat**
Date **27 Sep 2009**
MediaTitle **Kosmo Ahad**
Section **Semasa**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **109,892 / 269,000**

Language **Malay**
Page No **48**
Article Size **482 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,775**
PRValue **17,325**



Jijik kuku berkulat

Jangkitannya boleh tersebar melalui medium air misalnya di kolam renang.

KULAT kuku yang lazimnya bermula di kuku kaki boleh berjangkit ke kuku tangan.

SESEORANG selalunya tidak sedar jika masalah kulat atau fungus mula menjangkiti satu atau lebih kukunya. Daripada titik kecil berwarna kekuningan di hujung kuku tangan atau kaki, ia boleh memburuk hingga menyebabkan warna kuku berubah menjadi gelap, mengeras, hilang lapisan berkilat dan teksturnya menggerutu.

Keadaan itu memalukan si empunya diri kerana rupa kuku yang mengundang perasaan geli, walaupun hanya dengan melihatnya. Sebelum ia semakin merebak dan membuatkan seseorang berasa tidak selesa, kawalan dan rawatannya perlu disegerakan.

Peratusan jangkitan kulat kuku atau onikomikosis lebih tinggi di negara yang beriklim panas dan lembap seperti Malaysia.

Jika kaki sering bersarung kasut dalam iklim begitu, perpeluhan akan berlaku dan ia mengundang bukan sahaja pembiakan bakteria, malah pembentukan kulat.

Lebih membimbangkan, jangkitan kulat ini bukan sahaja boleh berlaku dari kuku kaki ke kuku tangan seseorang, bahkan boleh disebar pula oleh agen air. Maka, tempat-tempat seperti kolam renang awam dan bilik air juga lokasi ideal untuk kulat ini menjangkiti orang lain.

Jangkitan kulat ini boleh menyebabkan seseorang berasa gatal dan perit selain mampu meninggalkan kesan kekal kepada kuku. Ia juga membuka risiko jangkitan yang lebih teruk dan ini berbahaya untuk penghidap diabetes atau mereka yang lemah sistem imunisasi seperti peng-

Headline **Jijik kuku berkulat**
Date **27 Sep 2009**
MediaTitle **Kosmo Ahad**
Section **Semasa**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **109,892 / 269,000**

Language **Malay**
Page No **48**
Article Size **482 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,775**
PRValue **17,325**

hidap leukemia, AIDS atau yang sedang menjalani pemindahan organ.

“Apabila kulat mula ‘menghuni’ kuku, ia sukar dilenyapkan dengan cepat. Namun, ia boleh dibasmi jika seseorang berdisiplin dalam menjalankan rutin rawatannya.

“Ia tidak hilang dengan sendiri, maka seseorang yang mengalaminya tidak boleh memandang ringan masalah ini. Penggunaan minyak sapu adalah pilihan paling mudah,” kata pakar bedah tangan di Marin General Hospital California, Amerika Syarikat (AS), Dr. David Nelson.

Ubat sapu

Menurut Nelson dalam portal kesihatannya, pesakit di AS yang dijangkiti kulat kuku lazimnya diberikan pil griseofulvin untuk tempoh antara enam bulan sehingga setahun.

“Tetapi, ia meninggalkan kesan sampingan seperti sakit kepala, loya, gangguan fungsi darah dan kerosakan hati. Sebab itulah ramai doktor menyarankan ubat sapu termasuk minyak homeopati.

Bagaimanapun, membuang terus kuku yang dijangkiti itu tidak akan membebaskan seseorang daripada onikomikosis.

“Apabila lapisan kuku baru mula

terbentuk, jangkitan akan bermula semula,” kata Nelson.

Jika tidak berkesempatan bertemu doktor, terdapat beberapa jenis dan jenama ubat sapuan yang boleh didapatkan di kaunter farmasi.

Pesakit diingatkan untuk membaca keterangan pada label produk terlebih dahulu untuk memahami lebih lanjut cara, proses, dan kesan penggunaan ubat-ubatan tersebut.

Sebelum menyapu ubat, pesakit perlu selalu membersihkan kuku tangan dan kaki, baik yang dijangkiti mahupun yang tidak dijangkiti.

Ubat perlu disapu di bahagian hujung dan di bawah lapisan kuku serta di unjuran pangkal kulit dengan sekata. Ia penting kerana bahagian kulit yang terjejas dengan jangkitan kulat di sekeliling kuku (paronisia) boleh dijangka kerana bakteria dan kulat merebak apabila fungsi ketahanan tubuh terjejas.

“Apabila menyapu krim pembasmi kulat itu, bahagian kutikel tidak perlu ditolak atau dikorek. Manakala bagi wanita, pemakaian kuku palsu aalah lebih baik dielakkan. Pembersihan kuku dengan pembersih pengilat kuku juga tidak digalakkan bagi menghindar masalah yang berkaitan,” terang Nelson.

EKSTRA: Kulat kuku

Penyebab:

- Perpeluhan berlebihan
- Bekerja di persekitaran lembap
- Memakai stokin dan kasut yang menghalang peredaran udara serta tidak menyerap peluh
- Berkaki ayam di tempat awam yang lembap atau basah seperti kolam renang, gimnasium dan bilik mandi
- Mempunyai kurap kaki (tinea pedis)
- Kecederaan kecil atau jangkitan pada kulit atau kuku
- Menghidap kencing manis, masalah peredaran darah atau lemah sistem imunisasi

Rawatan:

- Krim sapu boleh didapati di farmasi tanpa memerlukan preskripsi. Pastikan kandungan ubatan dan kesan reaksinya dibaca terlebih dahulu. Doktor

juga menyarankan sapuan ciclopirox untuk rawatan kulat. Bagi ubat jenis pil, jenis terbinafine dan itraconazole didapati berkesan.

- Ilmu rawatan tradisional dalam rumah lazimnya disampaikan secara lisan oleh generasi terdahulu. Masalah ulat kuku dipercayai dapat diatasi dengan bahan-bahan seperti peluntur dan cuka.
- Rawatan secara semula jadi juga popular di kalangan pengamal perubatan homeopati. Mereka biasanya menggunakan minyak pati.
- Kaedah pembedahan hanya akan dilakukan jika jangkitan sangat serius hingga kuku perlu dibuang. Kuku baru akan tumbuh dan lazimnya akan mengambil masa yang panjang untuk tumbuh sepenuhnya.